



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN PROGRAM BAITI JANNATI
@ WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2024**

10 MAC 2024

DATARAN PPR KERINCHI

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat

Saudara Fahmi Fadzil

Menteri Komunikasi merangkap Ahli
Parlimen Lembah Pantai

Yang Berbahagia

Dato' Abdul Razak Abdul Majid

Pengerusi Tenaga Nasional Berhad

Yang Berbahagia

Dato' Parang Abai @ Thomas

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan &
Sosio Ekonomi)

Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia

Encik Ismadi Sakirin

Pengarah Eksekutif (Pembangunan
Sosioekonomi)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Yang Berbahagia

Datuk Mohd Nizam Yahya

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia

**Datuk Insinyur Megat Jalaluddin Megat
Hassan**

Ketua Pegawai Eksekutif

Tenaga Nasional Berhad

Pengurusan Kanan Jabatan Wilayah
Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala
Lumpur

Pengurusan Tenaga Nasional Berhad

Para penerima unit Program Baiti Jannati
Wilayah Persekutuan

Rakan-rakan Media

Para hadirin sekalian

ini, khususnya rakan-rakan strategik dan juga warga PPR Kerinchi yang turut sama meluangkan masa ke majlis ini.

KERAJAAN KOMITED MENDUKUNG KESEJAHTERAAN RAKYAT

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Untuk makluman, kami di Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan agensi-agensi sentiasa komited mendukung usaha Kerajaan, khususnya melalui rukun kedua ikhtiar Malaysia MADANI iaitu dengan menekankan kesejahteraan rakyat.

4. Soal kesejahteraan rakyat ini sentiasa menjadi agenda utama Kerajaan MADANI, di mana, kesejahteraan yang dinikmati oleh rakyat pada hari ini adalah merupakan komitmen semua pihak.

5. Sehubungan itu, adalah juga menjadi komitmen pihak Kerajaan dan obligasi semua pihak sama ada agensi Kerajaan mahupun swasta untuk berganding bahu dan berkolaboratif bagi menyediakan kemudahan kepada rakyat, termasuk memastikan rakyat mendapat tempat tinggal yang kondusif, khususnya kepada warga Wilayah Persekutuan yang kurang bernasib baik.

6. Mengambil ibrah ikhtiar Malaysia MADANI tersebut, beberapa minggu lalu, saya telah melancarkan Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang menekankan pendekatan *whole of nation* dalam melaksanakannya. Untuk makluman semua, Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan pada hari ini adalah merupakan salah satu program dibawah inisiatif Lindung @ PUJI.

PROGRAM BAITI JANNATI @ WILAYAH PERSEKUTUAN

Para hadirin sekalian,

7. Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan ini merupakan salah satu contoh kerjasama strategik agensi Kerajaan dan korporat yang membolehkan rakyat yang kurang bernasib baik di Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri.

8. Alhamdulillah, dengan sokongan yang diterima daripada pihak swasta, program ini telah melangkah ke tahun yang ke-8 penganjurannya. Dalam tempoh 7 tahun kebelakang ini,

program ini telah memberi manfaat seramai 330 keluarga.

9. Insya-Allah pada hari ini pula, program ini akan memberi manfaat kepada 17 keluarga lagi, menjadikan secara total seramai 347 keluarga yang menerima manfaat dari program ini tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan kepercayaan sejak ianya mula diperkenalkan pada tahun 2016.

10. Untuk makluman para hadirin sekalian, matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dengan menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada golongan berpendapatan rendah, ibu tunggal,

warga OKU, golongan asnaf dan fakir miskin di Wilayah Persekutuan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tenaga Nasional Berhad atau TNB kerana telah memperuntukkan wang zakat sebanyak RM 700,000.00 dan sejumlah RM 150,000.00 di bawah peruntukan CSR bagi membiayai 17 unit rumah pada tahun ini.

12. Untuk makluman, penerima unit rumah ini melibatkan 6 parlimen, iaitu 5 orang dari Parlimen Lembah Pantai, 4 orang dari Parlimen Bandar Tun Razak, 4 orang dari Parlimen Batu, 2 orang dari

Parlimen Setiawangsa dan masing-masing seorang penerima dari Parlimen Seputeh dan Parlimen Wangsa Maju. Tahniah saya ucapkan kepada semua penerima unit rumah.

13. Saya juga turut mengalu-alukan lebih ramai lagi pihak swasta untuk bersama-sama menyumbang kepada program ini yang mana pada akhirnya, ia akan memanfaatkan rakyat serta serba sedikit dapat mengurangkan kesenjangan gaya hidup di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Saya dimaklumkan bahawa hak milik program ini akan dipindahkan kepada penerima yang terpilih di kalangan penyewa PPR atau Perumahan Awam DBKL sedia ada tanpa sebarang bayaran, dengan syarat unit berkenaan tidak dijual kepada pihak ketiga tetapi boleh diwariskan kepada anak atau waris terdekat.

15. Di samping memberikan hak milik, unit rumah terlibat akan dibaik pulih terlebih dahulu sebelum diserahkan kepada penerima. Ini merupakan antara usaha Kerajaan bersama rakan-rakan

strategik dalam memperkasakan
kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

16. Jaminan kami di pihak Kerajaan, bahawa komitmen sepenuhnya akan diberikan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat, antaranya dengan menyediakan tempat tinggal yang kondusif sebagai tanda keprihatinan Kerajaan kepada rakyat, khususnya di Wilayah Persekutuan.

17. Walau bagaimanapun, usaha ini tidak mampu untuk direalisasikan tanpa kerjasama semua pihak termasuk tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

18. Semoga sumbangan ini menjadi hadiah yang terindah buat anda semua, khususnya dalam tempoh beberapa hari lagi kita akan memulakan puasa, dan Aidilfitri yang akan kunjung tiba.

19. Akhir kata, sekali lagi, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjadikan program pada hari ini satu realiti.

20. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyerahan Program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan Tahun 2024.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.